

KEPERLUAN, KUGUNAAN DAN KEPUASAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN
MAHASISWA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

NUR IZZA ALEZZA BINTI INDAL SAPRI



TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
SARJANA MUDA

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022

PENGAKUAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JUDUL : **KEPERLUAN KEGUNAAN DAN KEPUASAAN MEDIA
SOSIAL DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI
MALAYSIA SABAH (UMS)**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**

BIDANG : **KOMUNIKASI**

Saya **NUR IZZA ALEZZA BINTI INDAL SAPRI** sesi **2019/2022**,
mengaku membenarkan tesis ini disimpan di Perpustakaan Universiti
Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,



ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(**NUR IZZA ALEZZA BINTI INDAL SAPRI**)

BA19110531



(Pn. Aisah Meri)
Penyelia

Tarikh: 12 Ogos 2022

PENGESAHAN

NAMA : **NUR IZZA ALEZZA BINTI INDAL SAPRI**

NO. MATRIK : **BA19110531**

TAJUK : **KEPERLUAN KEGUNAAN DAN KEPUASAAN MEDIA SOSIAL DALAM
KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**



1. PENYELIA UTAMA

Pn. Aisah Meri

DISAHKAN OLEH:

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

2. PENYELIA BERSAMA (Jika ada)

PENGHARGAAN

Setinggi rasa syukur ke hadrat ilahi kerana atas limpah kurnianya dapat saya menyiapkan tesis tepat pada masanya. Sejujurnya dalam menjayakan penulisan tesis ini banyak cabaran dan rintangan yang saya hadapi. Maka dengan itu syukur Alhamdulillah berkat daripada sokongan dan dorongan Ibu tercinta, penyelia, keluarga dan sahabat handai setiap cabaran yang mendatang dapat diharungi dengan cekal. Di kesempatan ini, saya ingin memberi sekalung penghargaan buat penyelia saya, Dr Aisah Meri diatas tunjuk ajar, dorongan dan kesabaran dalam mendidik saya sepanjang menyiapkan tesis. Ketekunan Dr Aisah dalam mendidik kami sehingga beliau terbuka dengan mahasiswa yang menghubungi beliau sama ada dalam waktu bekerja sehinggalah di saat beliau bercuti, beliau masih memberi respon dan memperbetulkan kesalahan pelajar sehinggalah pelajar Berjaya menghasilkan tesis ini. tidak lupa juga kepada para pensyarah dan staf teknikal Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang memberikan pengalaman dan memori yang kekal dalam ingatan semasa bergelar seorang siswazah.

Buat arwah bapa, Ibunda, Nia Akrina dan keluarga, jutaan terima kasih kerana turut sama mengingatkan, memberi panduan dan semangat untuk sentiasa melangkah ke hadapan, sungguh doa-doa mereka merupakan berkah yang besar buat saya. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada mahasiswa Universiti Malaysia Sabah atas kesempatan yang diberikan dan sudi menjadi responden dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih disertakan kepada kesemua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan penyelidikan tesis ini. Saya berharap agar penyelidikan ini dapat menjadi medium dan sumber yang berguna kepada semua pihak.

ABSTRAK

Penyelidikan yang dilakukan terhadap media sosial dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS), Merupakan kajian yang menarik berikutan dengan penggunaan media social yang sudah sebatu dalam setiap individu di Malaysia. Kajian ini memperlihatkan pola kegunaan dan kepuasan media sosia daripada survei yang dijalankan keatas 351 orang responden mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan menggunakan dan merujuk Teori Kegunaan dan Kepuasan (U&G). Hasil dapatan kajian mendapati bahawa data penyelidikan juga menunjukkan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah kerap menggunakan Media social untuk tujuan pelepasan diri serta penyepaduan sosial diikuti dengan keperluan kognitif dan keperluan afektif serta penyepaduan diri. Selain itu bentuk kepuasan yang diterima pelajar ialah kemudahan, diskusi interpersonal serta pengawasan terhadap perubahan sekeliling. Justeru penyelidikan ini mendapati bahawa dalam fenomena kaya media pada hari ini, media social merupakan platform yang amat signifikan dan diterima dengan baik dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah

Kata Kunci: Keperluan Kegunaan, Kepuasan, Media Sosial, Mahasiswa.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

The research conducted on social media among University Malaysia Sabahs' student, This study is interesting considering the Growing Online Media and the number of Social Media account on each individual here in Malaysia. This study shows the pattern of use and satisfaction of Media Social from a survey of 351 UMS Student which refers to the Theory of Uses of Gratification (U&G). The results of the findings found that social integrative needs and personal integrative needs are the most important in social media usage followed by Cognitive and Affective needs. In addition, data suggest that news portal are used primarily as, information searching, diversion and custom. Meanwhile, the highest gratification derived are easy, Interpersonel Discussion and surveillance. This study concludes that in a media rich environment, the social media has kept its functional role and help students especially University Malaysia's Sabah Students.

Keywords: Needs, uses, satisfaction, student, media social.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

TAJUK	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL & GAMBARAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Permasalahan Kajian	4-5
1.3 Objektif Kajian	
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	6-7
1.6 Signifikan Kajian	7-8
1.7 Kesimpulan	8
BAB 2 : SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	9-10
2.2 Tinjauan Kajian Lepas	10-12
2.3 Model Kajian	12-13
2.4 Pengkonsepan	13-18
2.5 Kesimpulan	18

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	19
3.2	Populasi dan Sampel	20
3.3	Tatacara Pengumpulan Data Kajian	20-22
3.4	Pengoperasian	22-26
3.5	Kesimpulan	27

BAB 4 : HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	28
4.2	Analisis Deskriptif	28-46
4.3	Kesimpulan	47

BAB 5 : HASIL PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	49
5.2	Perbincangan Penemuan	48-51
5.3	Perbincangan Kerangka Teoritikal	52
5.4	Batasan Kajian	52
5.5	Cadangan Kajian	52
5.6	Kesimpulan	53

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 Media Sosial Paling Popular di Malaysia (Sehingga Disember 2021)

Jadual 3.4.1 : Proses Kajian

Jadual 3.4.2: Kandungan Soal Selidik dan bilangan item sebelum ujian rintis dijalankan

Jadual Interpretasi skor Alpha Cronbach (Bond & Fox, 2015)

Jadual Interpretasi skor Alpha Cronbach kajian

Jadual 4.2.1 Jantina Responden

Jadual 4.2.2 Umur Responden

Jadual 4.2.3 Tahun Pengajian

Jadual 4.2.4 Agama Responden

Jadual 4.2.5 Fakulti Responden

Jadual 4.3.1 Penggunaan Aplikasi Facebook

Jadual 4.3.2 Penggunaan Aplikasi WhatsApp

Jadual 4.3.3 Penggunaan Aplikasi Instagram

Jadual 4.3.4 Penggunaan Aplikasi Tiktok

Jadual 4.3.5 Penggunaan Aplikasi Twitter

Jadual 4.3.6 Purata masa penggunaan media sosial dalam sehari

Jadual 4.3.7 Penggunaan Peranti melayari media sosial (Telefon Pintar)

Jadual 4.3.8 Penggunaan Peranti melayari media sosial (Komputer Riba)

Jadual 4.3.9 Penggunaan Peranti melayari media sosial (Ipad)

Jadual 4.4.1 Kepuasan responden menggunakan media sosial

Jadual 4.4.2 : Kepuasan Kemudahan

Jadual 4.4.3 Kepuasan Diskusi Interpersonal

Jadual 4.4.4 : Kepuasan Pengawasan

SENARAI RAJAH

Gambarajah 2 : Model Kajian Kegunaan dan Kepuasan (Katz et al.,1974)



SENARAI SINGKATAN

U&G	Kegunaan dan Kepuasan
BIL	Bilangan
UMS	Universiti Malaysia Sabah
FSSK	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
FPI	Fakulti Pengajian Islam
FPEP	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
FKJ	Fakulti Kejuruteraan
FKI	Fakulti Komputeran dan Informatik
FSSA	Fakulti Sains dan Sumber Alam
FPP	Fakulti Psikologi dan Pendidikan
FSMP	Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan
FPSK	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
MEDSOS	Media Sosial



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A	56



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian ini akan mengkaji berkaitan dengan penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan menggunakan teori Uses and Gratification (U&G) atau teori Penggunaan dan kepuasan. Media sosial merupakan salah satu medium yang paling banyak digunakan oleh masyarakat kini untuk pelbagai tujuan, sama ada untuk berkomunikasi, berhibur, bekerja dan sebagainya. Alat media sosial termasuk Facebook, Twitter, Blog, dan Facebook dan sebagainya telah memudahkan idea bertukar dan mencipta dengan cara yang begitu luas dan cepat daripada media tradisional (Shahjahan & Chisty, 2014). Lebih-lebih lagi pada musim pandemik yang lalu, memperlihatkan bagaimana penggunaan media sosial dengan lebih banyak oleh masyarakat di seluruh dunia terutama sekali bagi generasi muda. Hampir setiap individu kini masing-masing menggunakan Media Sosial dan mempunyai akaun sendiri. Media sosial adalah alat dan platform untuk membincangkan pendapat dan isu berbangkit yang membolehkan mereka bertukar atau berkongsi idea, maklumat, video, imej, dan banyak perkara antara satu sama lain melalui rangkaian tertentu (Siddiqui & Singh, 2016).

Dalam Era Milenium ini, kemunculan 5G dengan teknologi berkelajuan pantas serta penggunaan gajet secara meluas muncul bak cendawan tumbuh selepas hujan. Media sosial boleh diakses samada melalui telefon pintar, komputer riba mahupun *smart watch*. Berdasarkan situasi tersebut sudah menjadi salah satu keperluan bagi setiap individu mempunyai gajet dan mempunyai akses kepada media sosial. Terutamanya kepada pelajar ataupun lebih spesifiknya kepada mahasiswa dalam keberlangsungan pembelajaran.

Hal ini demikian kerana, Aplikasi media sosial yang bersifat interaktif khususnya yang menggunakan teknologi Web 2.0 membolehkan penggunanya untuk memperoleh pelbagai bentuk maklumat di hujung jari mereka. Ini termasuklah audio, teks dan video yang dapat dihasilkan dan dikongsi bersama dengan pengguna aplikasi media sosial yang lain dengan bebas dan tanpa kos (Mohammad Reza, 2016). Kini, para pensyarah banyak mengaplikasikan aplikasi *meeting* secara atas talian berikutan dengan perintah larangan berkumpul bagi menjalani kuliah secara

bersemuka. Bidang Pendidikan banyak bergantung dengan penggunaan Internet dan pelbagai media sebagai alat bantu mengajar dan meningkatkan keberkesanan dan kepelbagaian dalam proses pembelajaran.

Pelajar dan pandemik Covid-19, kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19, kaedah pembelajaran atas talian merupakan suatu keperluan. Kebanyakan universiti tempatan baik awam mahupun swasta termasuk sekolah-sekolah di Malaysia tiada pilihan lain dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara maya bagi memastikan silibus pengajaran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin dan sesi pembelajaran tidak ditangguhkan (Astro Awani, 2020) Terdapat pensyarah menggunakan media sosial sebagai platform yang menarik dan berkesan kepada pelajar untuk menghantar tugas (assignment) misalnya tugas poster, video atau imej yang dimuatnaik ke akaun media sosial pelajar seperti Instagram, Facebook, YouTube dan sebagainya untuk tujuan pembelajaran. Melalui kajian yang dilakukan oleh Vanderbilt University di Amerika Syarikat pada tahun 2015 mendapati bahawa hampir 92% responden yang terdiri dari pelajar pelbagai bidang dan fakulti bersetuju bahawa pembelajaran secara atas talian adalah lebih efektif dan berkesan berbanding pengajaran dan pembelajaran secara konvensional. Justeru itu, pengkaji amat tertarik untuk mengkaji penggunaan media sosial sebagai alternatif penghantaran tugas dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah.

Jadual 1.1 Media Sosial Paling Popular di Malaysia (Sehingga Disember 2021)

Media Sosial Paling Popular di Malaysia (Sehingga Disember 2021)

Tiktok.com

Facebook.com

YouTube.com

Twitter.com

WhatsApp.com

Sumber : buzzkini.com

Kedudukan dalam jadual diatas menjadikan Tiktok.com menjadi pilihan ramai masyarakat di Malaysia, berikutan dengan peredaran trend dan kemunculan pelbagai jenis perkongsian dan Social Media Influencer (SMI) berbanding Facebook.com dan YouTube.com. Penghasilan video kreatif, Pengisian tips masakan dan kehidupan serta short video dalam aplikasi Tiktok memberi saingan yang hebat kepada media sosial yang lain.

Generasi muda kini yang terdiri daripada belia, mahasiswa, pelajar sekolah menengah mahupun sekolah rendah merupakan penyumbang terbesar dalam pengguna media sosial, hampir setiap daripada mereka mempunyai akaun media sosial. Hal ini demikian kerana remaja terdiri daripada khalayak yang cukup aktif dalam menggunakan media (Blumler & Katz, 1974). Pada masa yang sama, media juga dilihat berperanan sebagai pembentuk identiti remaja khususnya di Malaysia ekoran daripada proses globalisasi yang berlaku pada masa kini (Haryati, 2014)

1.2 Permasalahan Kajian

Dalam era pembelajaran digital semasa Pandemik, media sosial memainkan peranan yang penting sebagai medium pembelajaran yang berkesan. Keseluruhan mahasiswa masing-masing memiliki telefon pintar dan akses internet pantas untuk sentiasa mengetahui update terkini dan pemberitahuan atau arahan daripada pensyarah mengenai tugas dan seterusnya pemberian tugas serta tarikh akhir penghantaran tugas tersebut. Whatsapp, Telegram, Instagram dan sebagainya merupakan medium yang sering digunakan untuk tujuan komunikasi dan penghantaran tugas. Segalanya di hujung jari pelajar dan pensyarah dengan menggunakan hanya gajet seperti telefon pintar, pelajar dapat menyiapkan tugas dan muat naik tugas tersebut kepada pensyarah. Kebergantungan kepada media sosial dan capaian internet menjadi aspek yang paling signifikan kini selepas larangan mengadakan kelas secara bersemuka bagi membendung penularan Covid-19.

Hasil kajian mendapati bahawa kaedah penghantaran tugas secara konvensional digantikan dengan penghantaran tugas secara atas talian yang lebih menjimatkan masa, ruang dan kertas lebih-lebih lagi dalam pada pandemik Covid-19. Namun begitu kebergantungan kepada rujukan internet dalam menyiapkan tugas yang pensyarah berikan mendorong pelajar untuk melakukan plagiat tanpa sedar ataupun tidak. Segelintir mahasiswa tidak mempunyai pengetahuan perbuatan *copy and paste* ialah plagiat khususnya mereka yang baru sahaja menjejakkan kaki di alam universiti atau mengikuti pembelajaran dalam talian (Berita Harian Online, 2021). Perkongsian maklumat atas hasil kerja melalui Whatsapp atau Telegram menjadi faktor berlakunya kecurangan akademik tersebut. Selain itu, mahasiswa juga dapat meniru hasil kerja rakan dengan hanya mengubah idea asal dan menjadikannya sebagai hasil mereka.

Secara realitinya di Malaysia sebuah laporan daripada kajian Globalstat mendapati, lebih 72 peratus penggunaan media sosial di Malaysia antara pengguna tegar atau ketagihan media sosial terutama kebergantungan kepada telefon pintar. Media sosial yang paling kerap digunakan oleh rakyat Malaysia adalah Facebook (79%), Twitter (5 %), YouTube (4%) dan Instagram (3%).

Kajian itu menunjukkan bahawa masyarakat kita lebih ghairah dan obses dengan media sosial berbanding dengan negara maju. Ini bermakna dalam satu jam rakyat Malaysia akan sentiasa melihat atau mengintai telefon pintar mereka pada setiap 10 minit atau kurang. Ketagihan Media sosial membawa pelbagai impak yang besar khususnya dalam dunia pendidikan. Jumlah masa yang terbuang untuk pengisian yang kurang berfaedah dan

tidak berkaitan dengan pengajian dalam media sosial merupakan aspek yang kerap berlaku tidak termasuk dengan permainan game dalam talian yang banyak melalaikan mahasiswa.

Akibatnya, pelajar mudah lupa dengan tarikh akhir penghantaran tugas yang telah ditetapkan oleh para pensyarah. Walaupun para pensyarah cuba untuk mempelbagaikan kaedah penghantaran tugas atau assignment yang amat dekat dengan citarasa pelajar iaitu melalui media sosial. Penghantaran tugas di minit akhir sudah pasti amat sebatu dalam jiwa pelajar yang terleka dalam dunia media sosial. Tanpa mereka sedari ketagihan internet juga membawa kepada isu kesihatan fizikal dan mental pelajar. Keberadaan mahasiswa yang jauh daripada keluarga membuatkan mereka lebih terkesan dengan perkara yang berlaku di sekeliling mereka misalnya dalam media sosial. Menurut seorang Pensyarah Kanan (Bimbingan & Kaunseling) Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Syed Mohamad Syed Abdullah berpendapat sememangnya wujud gangguan psikologi serta kes yang memberi kesan mental serta emosi kepada individu akibat daripada kesan penulisan atau ciapan yang dibuat daripada pengguna laman sosial (Berita Harian Online, 2021)

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti keperluan akses media sosial dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) Selain itu, kajian ini juga dapat membantu untuk mengenalpasti apakah kegunaan mahasiswa UMS untuk mengakses media sosial. Akhir sekali, kajian ini juga dapat membantu untuk tahap dan bentuk kepuasan diperolehi daripada penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif kajian yang hendak dicapai. Berikut merupakan ketiga-tiga objektif kajian ini:

1. Mengenalpasti keperluan penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa UMS.
2. Mengenalpasti bentuk kegunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa UMS.
3. Mengenalpasti bentuk kepuasan penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa UMS.

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan kajian yang terdapat dalam kajian ini:

1. Apakah keperluan penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa UMS.
2. Apakah bentuk kegunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa UMS.
3. Apakah bentuk kepuasan penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa UMS.

1.5 Skop Kajian

Pertama sekali skop kajian yang akan saya lakukan ini adalah sepenuhnya berlandaskan kepada tiga objektif yang telah saya tetapkan iaitu mengenalpasti kekerapan masa menggunakan media sosial dalam Kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS), mengenal pasti jenis media sosial yang digunakan untuk menghantar tugas serta kepuasan yang diperolehi selepas menggunakan media sosial sebagai medium penghantaran tugas. Ketiga-tiga objektif di atas merupakan panduan yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

Selanjutnya kajian tersebut dijalankan di salah sebuah universiti awam di Malaysia iaitu Universiti Malaysia Sabah berkeluasan 999 ekar di teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah. Menempatkan 14,637 pelajar dan 1,056 staf akademik. Kajian tersebut tertumpu dan dijalankan ke atas mahasiswa Universiti Malaysia Sabah sahaja. Saya memilih Universiti awam tersebut kerana belum ada kajian mengenai kegunaan dan kepuasan media sosial sebagai medium penghantaran tugas dijalankan. Oleh itu, ia menarik minat pengkaji untuk melaksanakan kajian sekaligus dapat menambah input yang baharu.

Seterusnya, kajian ini menggunakan skop kajian yang sederhana. Kajian ini memerlukan 351 orang untuk dijadikan sebagai responden kajian ini dimana hanya sebahagian pengguna media sosial sahaja dipilih bagi mengetahui corak penggunaan media sosial. Kajian ini juga adalah tidak terbatas terhadap satu jantina sahaja yang mana responden adalah dipilih secara rawak kerana hampir semua pelajar mempunyai akaun media sosial masing-masing. Kajian ini juga hanya dibuat dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah yang mempunyai peranti elektronik yang menggunakan media sosial menggunakan telefon pintar, komputer riba, Ipad dan sebagainya.

1.6 Signifikan Kajian

Kajian ini berpandukan teori keperluan dan kegunaan (U&G) amat signifikan demi pembangunan kajian dan penyelidikan bidang komunikasi dan media. Kajian yang dijalankan meneliti Penggunaan Media Sosial dan kepuasannya terhadap yang melibatkan diri dengan menggunakan media sosial di alam maya. Kajian yang dijalankan ini melibatkan penggunaan media massa dan khalayak media yang aktif dan akan membantu dalam meningkatkan kajian dalam keperluan, kegunaan dan kepuasan penggunaan media sosial. Kajian ini dijalankan dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah UMS. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan penjelasan terhadap faktor-faktor yang mendorong keperluan, kegunaan dan kepuasan mahasiswa terhadap media sosial di Sabah yang khususnya mahasiswa Universiti Malaysia Sabah yang berusia 18-26 tahun

Teori kegunaan dan kepuasan (U&G) merupakan kerangka asas dalam kajian yang mana adanya penglibatan penggunaan media dan khalayak aktif. Maka, kajian ini akan mengenal pasti faktor utama yang mendorong keperluan, kegunaan dan kepuasan portal berita dalam talian. Penyelidikan ini juga akan membantu sejauhmanakah teori kegunaan dan kepuasan ini boleh mengukur dalam melihat perkembangan tingkahlaku khalayak terhadap media baharu pada arus masa kini. Pola penggunaan portal berita dalam talian kalangan remaja di Sabah khususnya terhadap etnik Bugis daerah Tawau merupakan sesuatu yang unik untuk dikaji memandangkan negeri Sabah yang unik dengan kepelbagaian etnik yang ada dengan berlaku perubahan industri berita dalam talian yang kian berkembang seiringan dengan perubahan revolusi industri 4.0, Kajian ini akan memperlihatkan pola kegunaan dan kepuasan portal berita dalam talian daripada survei ke atas mahasiswa UIniversiti Malaysia Sabah (UMS) yang berdasarkan kepada teori Kegunaan dan Kepuasan (U&G).

Penyelidikan terhadap keperluan, kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan mahasiswa UMS, Sabah ini mengkaji sejauhmanakah kerelevanan teori Kegunaan dan Kepuasan (U&G) ini dapat memberikan implikasi kepada kajian yang dijalankan. Kajian ini juga memberikan ilmu pengetahuan baharu terhadap penyelidik dari semasa ke semasa. Kajian ini dapat membantu akan keperluan dalam menarik minat belia di Sabah untuk melayari portal berita pada masa akan datang.

1.7 Kesimpulan

Bab pertama akan membincangkan secara ringkas berkenaan penyelidikan yang dilaksanakan. Diawal, bab ini memperkenalkan latar belakang kajian. Kemudian, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian telah dibentangkan. Signifikasi kajian juga telah digariskan

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Objektif bab ini adalah untuk membincangkan mengenai sorotan kajian lampau yang berkaitan dengan kajian ini. Mrenyentuh sedikit sejarah teori yang digunakan dankritikan yang dikemukakan berkenaan dengan teori ini. Selain itu, Bab ini dibahagikan kepada tiga subtopik iaitu, Media Sosial: Kegunaan Media Sosial: Kegunaan Media Sosial dalam kalangan Mahasiswa: Kegunaan dan kepuasan media sosial terhadap mahasiswa: teori Kegunaan dan Kepuasan. Bab ini kemudian diakhiri dengan kesimpulan bagi bab ini

Teori Kegunaan dan Kepuasan (Uses and Gratification) adalah sebuah teori yang menggunakan pendekatan dalam memahami tingkahlaku pengguna yang aktif terhadap penggunaan media. Menurut Lee et al., (2016) Teori Kegunaan dan Kepuasan ini telah diperkenalkan oleh Katz, Blumler dan Gurevitch pada tahun 1974 yang dimana asas teoritikal ini khalayak media aktif ataupun pengguna aktif media yang menggunakan media bagi memenuhi keperluan si pengguna media.

Walaubagaimanapun terdapat kritikan yang diutarakan terhadap teori komunikasi ini. Ruggerio (2000) juga telah menyatakan bahawa perubahan yang secara drastik dalam kajian komunikasi dalam teori kegunaan dan kepuasan sudah bermula pada sekitar tahun 1940 walaupun teori ini dianggap kompleks dan rumit. Hal ini disebabkan berlaku antaranya termasuklah perubahan tekonologi komunikasi dan perspektif khalayak yang berbeza-beza terhadap media yang dipilih. Menurut Papacharissi dan Rubin (2000) motif adalah salah satu komponen penting dalam aktiviti audien dan mempengaruhi tindakan seseorang individu. Bagi pengkaji Teori Kegunaan dan Kepuasan, mereka telah menyimpulkan bahawa motif pengguna menggunakan sesuatu media boleh mempengaruhi tindakan pengguna media tersebut dalam mencari keperluan dan kepuasan (Papacharissi dan Rubin, 2000)

Oleh itu, pengkaji yang menggunakan teori ini membuat kesimpulan yang subjektif disebabkan perbezaan pendapat responden terhadap mengapa sebuah media yang mereka gemari dan pilih. Perihal yang dibincangkan turut disokong oleh pendapat, pandangan serta teori-teori daripada tokoh-tokoh yang menguasai bidang-bidang yang berkenaan. Model yang sesuai digunakan bagi membantu kajian dan seterusnya menjadi panduan untuk membina kerangka kajian.

2.2 Tinjauan Kajian Lepas

Teori Uses and Gratification (U&G) merupakan salah satu teori yang paling banyak digunakan dalam kajian komunikasi dan media khususnya dalam memahami penggunaan media dan perkaitan dengan tingkah laku. Teori kegunaan dan kepuasan (uses and gratification – U&G) yang diperkenalkan oleh Katz, Blumler, dan Gurevitch (1974) berasaskan khlayak media adalah khlayak aktif (active audiences) yang menggunakan media bagi tujuan memenuhi keperluan spesifik daripada media. Sarjana Wimmer dan Dominick (1994) telah mengemukakan bahawa teori U&G bermula pada tahun 1940-an apabila para pengkaji mula tertarik untuk mengkaji mengapa khlayak terlibat dalam pelbagai bentuk tingkah laku media seperti mendengar radio dan membaca akhbar. Sejarah awal kajian komunikasi melihat teori U&G ini dibangunkan bertujuan mengkaji kepuasan yang diperoleh khlayak yang menggunakan pelbagai jenis media yang mana kandungannya mampu memenuhi keperluan sosial dan psikologi mereka (Cantril, 1942)

Di Malaysia, terdapat sebuah kajian mengenai Kegunaan dan Kepuasan media sosial dijalankan semasa Pandemik Covid-19 Meri et al. (2020) dimana responden memilih menggunakan telefon pintar kerana mudah untuk mengakses, dibawa kemana-mana dan mudah untuk mendapatkan maklumat. Keperluan Kognitif dan kegunaan untuk memperoleh maklumat adalah yang amat signifikan dalam aspek kegunaan dan kepuasan. Sekaligus ia Menjelaskan corak penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat di Malaysia dan mengesahkan kajian-kajian lepas. Salah satu kajian media sosial yang sama dipilih dijalankan keatas mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Hasil kajian menunjukkan para responden menggunakan internet untuk mengekalkan hubungan disamping untuk bersembang dan berchating sesama rakan. Selain itu para responden didapati melayari media sosial seperti Facebook untuk mengisi masa lapang, melepaskan tekanan dan untuk terus berhibur (Fadillah & Iza, 2011).

Walaupun bagaimanapun, kajian-kajian yang memfokuskan terhadap kegunaan dan kepuasan media sosial di Sabah adalah sangat terhad, walhal mahasiswa merupakan golongan yang paling kerap menggunakan media sosial sepanjang masa. Berdasarkan kajian-kajian belum terdapat bukti yang cukup untuk mengetahui pola sebenar penggunaan media sosial di negeri ini. Kajian secara umum tentang kegunaan dan kepuasan media sosial di negara ini memang tidak dapat dinafikan banyak dijalankan, namun kajian ini dijalankan menjurus kepada satu mahasiswa universiti tertentu sahaja. Teori U&G jelas boleh digunakan untuk menjelaskan penggunaan media baharu dan wujud kelompangan ilmu pada kerangka teoretikal untuk menjelaskan pola penggunaan media baharu yang sebenar Aisah Meri (2013). Media sosial baharu memerlukan pengkonsepkan baharu bagi menambah baik teori U&G dalam menjelaskan perilaku khalayak aktif (Ruggeiro, 2000 & Sundar & Limperos, 2013).

alam interaksi ruang maya melalui laman web sosial. Kajian oleh Notley (2009) menyatakan bahawa interaksi ruang maya dapat membantu dalam mengekalkan hubungan dengan keluarga atau rakan yang berada jauh di luar negara menerusi emel, chatting, mesej segera (instant messaging) mahupun laman web sosial. Hal ini kerana, jarak dan masa yang menjadi faktor kepada sesuatu interaksi itu untuk berlaku secara realiti yang dianggap semakin rumit dan susah. Makadengan adanya laman web sosial dan kemudahan jaringan Internet dapat mengekalkan interaksi secara maya. Tambahan pula menurut kajian oleh Vergeer dan Pelzer (2009), penggunaan media adalah berkaitan juga dengan kesunyian dan ini disokong kajian oleh Zillman, 1988; Knobloch, 2002; Knobloch-Westerwick, 2007 di mana mereka mencadangkan bahawa individu yang berasa sunyi, malu atau tertekan akan lebih menggunakan Internet untuk mendapatkan lebih hiburan dan mengelakkan rasa sunyi. Individu ini berpotensi untuk menyembunyikan identiti sebenar mereka dan mengelak daripada berinteraksi secara berdepan atas sebab malu dan kurang keyakinan diri. Walaupun bagaimanapun, terdapat juga antara pengguna laman web sosial ini sememangnya mempunyai tahap minat yang tinggi untuk berinteraksi.

Selanjutnya kajian Penggunaan Media Malaysia yang dilakukan oleh SE. Mustapha & A. Hamzah (2011) mendapati tinjauan soal selidik dilakukan terhadap 369 pengguna jaringan sosial aktif Malaysia yang terdiri daripada 181 responden lelaki dan 188 responden perempuan. Majoriti responden yang terdiri daripada pelajar (54%) yang berumur antara 18 hingga 25 tahun (68%), belum berkahwin (82%), dan berpendidikan universiti/kolej (70%), kebanyakannya (32.8%) memiliki lebih daripada tiga profil atau akaun kerana digerakkan oleh keinginan untuk tahu/mencuba sesuatu yang baharu (35%) di samping pengaruh rakan (32%). Malah 61.8% telah menggunakannya lebih daripada tiga tahun dan ini jelas menunjukkan bahawa kumpulan pelajar atau remaja adalah antara pengguna terawal yang menerima media baharu yang baharu ini sejak pengenalannya.

2.3 Model Kajian

Model Kajian ialah satu formula untuk mengkaji sebuah kenyataan yang mengandungi konsep dan mempunyai hubungan sesame sendiri supaya pengkaji dapat memahami dan membuat ramalan serta andaian terhadap sesuatu bentuk kajian mahupun fenomena (Shields, 1998).



Gambarajah 1 : Model Kajian Kegunaan dan Kepuasan (Katz et al.,1974)

Model kajian diatas merupakan sebuah model kajian yang dicadangkan. Model kajian dan Kegunaan dan Kepuasan (uses and gratification) itu telah diubah mengikut trend masa kini tapi masih membawa maksud dan mengekalkan ciri yang sama.